

Dr Mahathir Profile

WAWANCARA KHAS RTM  
DENGAN PERDANA MENTERI  
Y.A.B. DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
YANG DISIARKAN PADA HARI SELASA, 6 OGOS 1996  
PUKUL 8.30 MALAM

-----

Johan Jaafar : Lima belas tahun lalu pada 16 Julai 1981 Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Tidak ada siapa yang dapat menduga apa yang boleh dilakukan oleh tokoh yang pernah dianggap 'ultra', orang yang pernah disingkirkan dari partinya dan bukunya pernah diharamkan di negaranya sendiri. Sesiapa pun yang mengikuti perkembangan dan 'career' politik beliau pasti akan mengaguminya. Sebagai Presiden UMNO beliau telah melalui saat paling getir dalam sejarah partinya apabila UMNO diharamkan malah beliau telah dicabar kepimpinannya. Sebagai Perdana Menteri, dasar penswastaaan awal telah mendapat kritikan paling keras. Demikian juga hala tuju baru perindustrian negara telah mendapat kecaman paling hebat. Tetapi hari ini kita tahu beliau bukan sahaja telah membuktikan bahawa pencemuh dan pengkritik beliau salah tetapi beliau telah menempatkan negara ini sebagai salah satu cerita kejayaan luar biasa. Hasilnya dapat kira lihat di mana-mana. Malaysia kini merupakan sebuah negara perindustrian yang istimewa di kalangan negara membangun. Malaysia merupakan negara <sup>perindustrian</sup> ~~perindustrian~~ yang ke-19 terbesar di dunia. Apabila orang bercakap tentang keajaiban Asia Timur atau 'East Asia miracle', mahu tidak mahu Malaysia turut menerajui perkembangan paling hebat di rantau ini dan kejayaan ekonomi Malaysia merupakan model bagi banyak negara

membangun. Orang bercakap tentang Malaysia dengan penuh hormat. Saudara penuntun yang saya hormati sekalian, bersama-sama saya di studio khas di Jabatan Perdana Menteri ini ialah Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad. Terima kasih Dato Seri kerana meluangkan masa untuk wawancara khas bersama Perdana Menteri.

Johan Jaafar : Saya ingin memulakan dengan bertanya apakah Dato Seri pernah membayangkan bahawa Malaysia akan mencapai kedudukannya seperti hari ini apabila Dato Seri bermula sebagai Perdana Menteri 15 tahun yang lalu.

Dato Seri : Saya hendak kata membayangkan itu tidaklah, tetapi saya awal-awal lagi percaya bahawa mana-mana negara juga mampu mencapai kemajuan jika keadaan tertentu berada. Dengan itu kita dapat lihat hari ini bahawa sangkaan itu tidaklah kurang tepat.

Johan Jaafar : Ada pandangan yang mengatakan bahawa kejayaan ekonomi Malaysia adalah secara kebetulan atau pun 'by accident'. Apakah pandangan Dato Seri tentang hal ini?

Dato Seri : Kalau ia secara kebetulan ia akan berlaku kepada negara-negara lain juga. Bahkan negara-negara membangun yang lain mempunyai potensi yang lebih daripada Malaysia dan tidak mempunyai masalah seperti yang kita ada di Malaysia, iaitu masalah penduduk berbilang kaum yang mana kita tahu di negara-negara lain bila ada penduduk berbilang kaum maka permusuhan antara kaum berlaku sehingga tidak dapat dibangunkan negara.

Johan Jaafar : Dato Seri juga menjuarai satu gagasan besar untuk meletakkan Malaysia sebagai negara maju dalam 2020. Kita sebenarnya tidak mempunyai banyak masa Dato Seri. Kita hanya mempunyai kira-kira 5,840 hari ataupun kira-kira 23 tahun atau kurang sedikit daripada 23 tahun. Untuk memastikan bahawa Malaysia menjadi negara maju dalam tahun 2020 kita harus memastikan pertumbuhan ekonomi pada kadar 8 peratus selama 23 tahun, saya fikir tidak mungkin ada negara yang pernah mencipta rekod ini. Apakah kita boleh melakukannya Dato Seri?

Dato Seri : Sebenarnya kita cuma perlu pertumbuhan ekonomi purata 7 peratus setahun dan <sup>bukan</sup> 8 peratus setahun dan ini bukanlah satu angka yang terlalu tinggi kerana dalam jangkamasa 20 tahun sebelum ini kita telah tumbuh dengan pertumbuhan sebanyak 6.7 peratus setahun. Jadi yang kita perlukan hanya 0.3 peratus sahaja lagi tambahan dan ini telah kita buktikan selama 8 tahun berturut-turut. Kita mampu tumbuh purata lebih daripada 8 peratus setahun, bermakna kalau di masa-masa depan kurang daripada 8 peratus, bahkan kurang daripada 7 peratus pun purata akan berjaya mencapai 7 peratus.

Johan Jaafar : Apakah teras pada pertumbuhan ekonomi masa depan mengambilkira bahawa kita harus mengekalkan pertumbuhan sebanyak itu Dato Seri?

Dato Seri : Kita harus selalu sedar tentang perkembangan dalam dunia yang mana mempunyai kaitan rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara kita

kerana Malaysia adalah satu negara pedagang yang mana pertumbuhan ekonomi kita bergantung kepada kemampuan kita mengeluarkan barangan untuk eksport dan memproseskan barangan. Jadi kalau kita sedar apa yang sedang berlaku di luar dalam pasaran kita turut membuat perubahan yang sesuai saya yakin kita boleh.

---

Zuk/A2  
Johan Jaafar : Salah satu daripada teras utama Rancangan Malaysia Ketujuh ialah penekanan kepada eksport. Kita juga membayangkan kemungkinan bahawa kita boleh mengeksport misalnya lebih banyak barangan dan perkhidmatan ke luar negara. Boleh Dato Seri komen tentang teras eksport ini?

Dato Seri : Penduduk kita bilangannya tidak ramai. Sekarang ini hampir 20 juta tetapi 20 juta dengan pendapatan yang agak rendah. Jadi kita tidak mempunyai pasaran dalaman yang besar. Dengan itu kita harus mengguna pasaran dunia. Kita harus guna kekuatan yang ada kepada kita terutamanya di negara kita ini sara hidup kita rendah dan dengan itu kalau pun kita mendapat gaji yang rendah tetapi taraf hidup kita tidak rendah. Kita gunakan ini sebagai satu unsur kompetitif kita supaya barangan kita boleh dikeluarkan dengan harga yang murah tetapi dengan kualiti yang tinggi.

Johan Jaafar : Dato Seri juga selalu menimbulkan tentang soal produktiviti tentang penekanan kepada produktiviti dan menekankan bahawa salah satu yang tidak ada ataupun kekosongan dari segi 'Smart partnership' atau pun perkongsian

bijak ini ialah penglibatan total daripada pekerja dan kesatuan sekerja. Apakah kesan kepada rancangan masa depan sekiranya hal ini tidak dapat diatasi?

Dato Seri : Dianya boleh diatasi kalau kita betul-betul ingin mengatasinya. Produktiviti bukanlah sesuatu perkara yang sukar dicapai. Hanya yang diperlukan daripada kita ialah kesanggupan kita bekerja kuat dan yang keduanya kesanggupan kita meningkatkan kebolehan kemahiran kita. Ini kita boleh buat. Yang menjadi masalah kepada negara-negara maju yang sekarang ini merosot ialah kerana pekerja meminta upah yang terlalu tinggi sedangkan produktiviti mereka berkurangan, iaitu mereka sering bukan sahaja hendak upah yang tinggi tetapi juga hendak kerja kurang masa, cuti terlalu panjang dan ada macam-macam jenis cuti dan ada kemudahan itu dan ini yang menyebabkan kos terlalu tinggi. Kita bernasib baik kerana pekerja mereka berbuat demikian maka kita menjadi kompetitif.

Johan Jaafar : Dato Seri ada pandangan menyatakan bahawa Dato Seri gemar membina monumen - Bakun, KLCC, Menara Kuala Lumpur, Putra Jaya. Dato Seri hendak komen tentang soal ini.

Dato Seri : Saya bukan berhasrat untuk membina monumen. Saya tidak fikir monumen itu perlu bagi saya. Tetapi bagi sebuah negara kita perlu ada sesuatu yang boleh kita banggakan dengannya sebagai satu tanda. Kita kata negara kita sudah maju tetapi tidak ada satu pun yang menunjukkan bahawa kesan kemajuan

ini yang boleh dilihat oleh orang biasa. Jadi kalau kita ada menara sekurang-kurangnya kita tahu kita ada menara dan ini adalah sesuatu yang boleh rakyat banggakan, bukan saya. Saya tidak perlu kepada monumen apa-apa. Satu sahaja monumen, yang rendah itu yang kita hendak kemudian. Yang tinggi yang kita buat kadang-kadang merupakan monumen tetapi tidak kurang juga semua ianya adalah kemudahan, kemudahan untuk pembangunan negara kita, infrastruktur. Lapangan terbang adalah satu infrastruktur. Lapangan terbang kita tak mampu lagi menampung segala pesawat yang terbang ke Subang. Bakun, kita perlu kepada letrik, kuasa letrik, power. Bangunan KL tower ini bukan dibuat untuk hendak naik, nak hias sahaja. Dia adalah diguna untuk telekomunikasi. Bangunan KLCC, kita tak punya banyak tanah dalam Wilayah, wilayah kita ini kecil. Tanah terlalu tinggi harganya. Kalau di atas tanah yang terlalu tinggi kita binakan sebuah pondok tentulah rugi. Jadi kita bina (KLCC) supaya kita dapat maximise daripada kos tanah yang kita guna.

Johan Jaafar : Dato Seri apakah Dato Seri fikir bahawa rakyat negara ini faham implikasi Malaysia menjadi sebuah negara maju, apa implicationnya kepada mereka?

Dato Seri : Ya, banyak daripada kita belum lagi cukup faham. Kebanyakan memikir bahawa negara maju bermakna pendapatan telah meningkat. Tetapi negara maju bermakna kita mempunyai kemampuan dalam semua bidang, kemampuan

9 *Kayaan Melayu*

tersendiri dalam bidang mencipta sesuatu, mengadakan industri. Dalam bidang budaya kita, saya telah sebut tentang tidak bermakna kita menjadi negara maju kalau kita masih lagi membuang sampah ikut suka dengan tidak menghiraukan environment. Kita tidak tahu kebersihan membuktikan bahawa kita adalah seperti kata orang Melayu ada harta, tidak ada erti. Kita hendak supaya kita ada harta dengan erti sama, jadi kita macam mana bagaimana hendak mengurus kekayaan kita.

Johan Jaafar : Dato Seri, saya ingin menyentuh tentang orang Melayu, tiga puluh tahun yang lalu tidak ada siapa yang dapat membayangkan bahawa orang Melayu boleh terlibat dalam urusan niaga yang kompleks, syarikat-syarikat mereka tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur, mereka memiliki syarikat kapal terbang dan sebagainya dan terlibat dalam kegiatan teknologi tinggi. Apakah agaknya rahsia sebenar kejayaan orang Melayu ini, Dato Seri?

Dato Seri : Saya fikir yang penting sekali ialah penerimaan bahawa mereka harus menukar sikap mereka, bahkan menukar budaya mereka. Kita datang daripada satu masyarakat yang tidak 'monetise', iaitu tidak menggunakan wang sebagai satu modal. Kita gunakan wang sebagai satu kemudahan untuk masuk dalam kocek kita selepas itu kita pergi ke kedai tukar untuk barangan. Itu saja penggunaan wang sebagai satu benda perantaraan, tetapi sekarang ini kita sudah jelas betapa pentingnya wang dianggap sebagai modal dan pengurusan wang itu adalah penting kalau

kita ada kekayaan tetapi jika tidak tahu mengurusnya maka kita akan jadi miskin. Ini satu pertukaran yang terdapat selama kita mengadakan Dasar Ekonomi Baru. Walaupun ada banyak yang masih tidak faham tetapi telah muncul satu golongan satu bilangan yang tidak kecil, yang sekarang ini faham budaya perniagaan.

---

Johan Jaafar : Dato Seri pernah menulis sebuah buku 'The Malay Dilemma' atau Dilema Melayu yang antara lain Dato Seri menyentuh tentang beberapa aspek daripada orang Melayu, apakah Dato Seri lihat perbezaan yang paling besar di antara orang Melayu yang Dato Seri tulis dalam Malay Dilemma yang saya percaya ditulis dalam tahun 50an dengan orang Melayu hari ini?

Zul Q  
↓

Dato Seri : Orang Melayu hari ini saya anggap lebih agresif, kadang-kadang terlalu agresif sehingga kempen untuk mendapat jawatan pun begitu dahsyat sekali. Tetapi mereka tidak lagi berasa mereka kekurangan sesuatu tidak ada 'inferioriy complex'. Ramai daripada mereka percaya apa yang boleh dibuat oleh orang lain mereka juga boleh buat dan ini adalah satu perbezaan antara Melayu semasa kita berjuang untuk kemerdekaan yang mana ramai daripada orang Melayu pada ketika itupun tidak yakin bahawa kita boleh merdeka dan memerintah diri sendiri. Sekarang ini kita yakin kita boleh memerintah negara kita dengan lebih baik daripada di zaman dahulu, dengan lebih baik daripada setengah-setengah negara maju. Kita juga percaya bahawa kalau kita sanggup menghadapi satu-satu cabaran

itu, kita boleh mengatasi cabaran itu.

Johan Jaafar : Dato Seri juga ada menimbulkan beberapa teori dan pemerhatian berhubung dengan orang Melayu dalam buku yang mungkin rasanya tidak cocok atau tidak sesuai lagi masa ini. Antara lain tentang soal kahwin sepupu dan persekitaran yang boleh membantutkan perkembangan minda. Mungkin ada beberapa teori di dalam buku itu yang Dato Seri sendiri mungkin hendak 'debunk' atau hendak persoalkan.

Dato Seri : Ya, mungkin analisa yang saya buat itu tidak tepat dan faktor yang saya sebutkan, iaitu faktor genetik, tidak begitu kena. Tetapi saya juga lihat sekarang ini tabiat kahwin sepupu tidak begitu berleluasa kerana sekarang ini kita cari pasangan sendiri tidak seperti dahulu ibu bapa yang mencari dan mencari daripada keluarga sendiri. Jadi hendak kata yang saya sebut dalam buku itu salah pun kita tidak mempunyai angka-angka yang tepat berkenaan dengan perkara itu. Jadi yang saya betul-betul mengakui ialah kalau dahulu saya berasa tidak mungkin orang-orang Melayu mengatasi masalah kelemahan budaya mereka, tetapi hari ini kita nampak mereka mampu.

Johan Jaafar : Di antara satu sebab kenapa buku Dato Seri itu diharamkan ialah kerana berterus-terang. Dato Seri di dalam buku itu banyak menegur tentang pimpinan politik pada ketika itu. Tidakkah dalam masa 15 tahun ini ada kemungkinan bahawa Dato Seri secara tidak sedari mengulangi beberapa kesilapan yang

Dato Seri pernah timbulkan dalam buku itu.

Dato Seri : Ada kemungkinan saya tidak nafikan bahawa ianya itu mungkin, tetapi terpulanglah kepada orang lain untuk membuat pemerhatian kerana saya tidak dapat melihat diri saya sendiri. Kalau tengok dalam cermin pun yang kiri jadi kanan, yang kanan jadi kiri. Jadi tidak begitu tepat. Tetapi tegoran daripada orang lain saya selalu memberi pertimbangan yang berat.

Johan Jaafar : Ada semacam agenda tersembunyi Dato Seri apabila Dato Seri menyebut tentang perlunya orang Melayu mengangkat martabatnya untuk memberikan 'dignity' dan maruah kepada orang Melayu. Ini aspek tentang penghinaan terhadap orang Melayu. Apakah Dato Seri rasa bahawa aspek penghinaan ini tidak ada lagi dalam masyarakat orang Melayu?

Dato Seri : Saya daripada generasi lama yang biasa hidup di zaman penjajah, di bawah empat jenis penjajah, di bawah British, di bawah Jepun, di bawah Thai dan kemudian di bawah British Military Administration. Jadi saya tahu bagaimana terhinanya pada zaman itu. Sebaliknya sekarang ini kita tidak lagi terpaksa tunduk dan panggil tuan kepada orang lain, bahkan ada setengah daripada kita, kita bercakap berkenaan ketuanan Melayu dan sebagainya yang tak perlu kita cakap. Kalau kita dah jadi tuan, kita jadi tuanlah tidak payah kita sebutlah saya tuan. Jadi yang sebenarnya kita sudah dapat menebus sedikit sebanyak maruah kita melalui kejayaan. Tidak guna kita tuntutan supaya

orang lain menghormati kita. Orang lain tidak akan menghormati kita kerana kita minta supaya hormatlah kita. Yang pentingnya ialah pencapaian kita. Jadi kalau kita sudah buktikan kebolehan kita dan secara otomatis orang akan menghormati kita dan dengan itu maruah kita terpelihara.

---

Johan Jaafar : Dato Seri, saya ingin menyentuh, tentang sajak 'Perjuangan Yang Belum Selesai' dan saya ingin memetik satu bait daripada sajak ini. Air mata tidak ertinya. Sejarah silam tiada maknanya. Sekiranya bangsa tercinta terpinggir dipersenda dan dilupakan. Apakah agaknya yang mendorong seorang Perdana Menteri menulis sedemikian?

*Yani*

Dato Seri : Saya biasa melalui zaman itu. Saya biasa melihat orang Melayu ditendang oleh orang lain kerana tidak menghormati lagu kebangsaan satu negara penjajah. Saya biasa melihat orang Melayu dipandang hina, dipanggil 'boy' oleh orang asing, dianggap sebagai orang yang tidak berkebolehan. Tidak boleh buat apa satu pun bahkan kalau kita hendak berniaga pun kita ditanya biasa berniaga ataupun tidak. Kita jawab tidak. Hah, awak tak boleh berniaga. Jadi dengan itu selama-lamanya kita berada di bawah dan terhina. Saya betul-betul berasa terhina.

Johan Jaafar : Dato Seri, kita mengakui bahawa kejayaan orang Melayu pada masa ini cukup luar biasa dan Dato Seri sendiri banyak menimbulkan tentang kemungkinan akan berlaku 'backlash' akibat daripada kejayaan orang Melayu. Kalau mereka dalam keadaan kemiskinan

Dato Seri Ismail Harmany.

mungkin mereka boleh mengurus diri mereka, mereka menerima hakikat itu sebagai sebahagian daripada qada dan kadar tetapi bolehkah orang Melayu mengurus kejayaan mereka, Dato Seri?

Dato Seri : Kalau kita tidak, kalau pihak yang bertanggungjawab kepimpinan umpamanya, tidak memperingati kita semua tentang betapa pentingnya kita jangan lupa tentang kejayaan kita dahulu, saya fikir kita mungkin tidak boleh menguruskan kejayaan kerana mengurus kejayaan juga mempunyai masalah sama seperti mengurus kemiskinan ataupun kegagalan dahulu. Tetapi kita sering memperingati diri kita dan kita harap generasi muda terutamanya akan dimaklumkan tentang asal-usul mereka.

Johan Jaafar : Dato Seri, saya ingin menyentuh tentang soal perpaduan kaum di negara ini dan salah satu daripada perkara yang jelas daripada kejayaan Malaysia ialah kerana keupayaan kita mengurus masalah perpaduan kaum. Apakah wawasan Dato Seri, harapan Dato Seri tentang isu perpaduan kaum ini apakah akan berakhir atau selesai untuk masa akan datang?

Dato Seri : Zaman berubah. Kalau dahulu tumpuan ialah kita kepada asimilasi. Di mana-mana negara juga tidak ada lagi usaha untuk 'asimilation', bahkan di Amerika Syarikat mereka sering bercakap berkenaan dengan 'roots' asal-usul mereka. Jadi kalau kita hendak balik kepada soal asimilasi mungkin sukar. Kalau kita sudah terima bahawa itu

tidak mungkin, kita perlu cari jalan lain untuk merapatkan perhubungan antara kaum ini. Seperti kata Debono, Lateral Thinking, kalau kita tidak boleh merentas satu jalan maka kita pergi ke jalan lain untuk sampai ke matlamat yang sama.


Johan Jaafar : Apakah tidak mungkin oleh kerana keadaan ekonomi baik dan politik stabil maka isu perpaduan kaum ini diketepikan tetapi isu ini akan bangkit semula apabila timbul masalah kemelesetan dan isu politik timbul semula?

Dato Seri : Memang mungkin kalau berlaku kemelesetan. Tetapi harapan saya ialah kali ini kalau ada kemelesetan tidak ada perbezaan antara kaum. Yang Cina pun akan menghadapi masalah, yang Melayu pun masalah yang sama dan yang India pun masalah yang sama. Jadi tidak lagi ada perasaan iri hati, cemburu, kerana orang lain lebih baik daripada kita.

Johan Jaafar : Bekas Perdana Menteri Singapura menyebutkan 'meritocracy' sebagai salah satu prasyarat percantuman semula Malaysia-Singapura. Apakah hal ini mungkin tidak akan berlaku, satu keadaan bila mana 'affirmative action' tidak ada, dasar social engineering seperti Dasar Ekonomi Baru tidak wujud, apakah hal ini mungkin di mana-mana di dunia, Dato Seri?

Dato Seri : Saya fikir tak mungkin kerana keadaan dalam satu sistem negara berlain daripada negara-negara lain, budayanya, pendekatannya berbeza. Kita harus bentuk satu pendekatan

yang sesuai dengan keadaan di tempat tertentu.


 Johan Jaafar : Dan dalam kaitan ini saya ingin menanyakan Dato Seri satu soalan hypothetical. Apakah nasib orang Melayu akan lebih baik sekiranya negara ini dari segi penguasaan politiknya didominasi oleh orang Cina sepertimana orang Cina kedudukannya lebih baik sekarang kerana penguasaan politik di tangan orang Melayu?

Dato Seri : Itu sukar untuk kita jawab tetapi saya fikir kebanyakan orang Cina, mereka pragmatik. Sudah tentulah kalau mereka merupakan 80 peratus daripada penduduk negara kita ini saya fikir orang Melayu perlu kluatir tetapi dalam keadaan sekarang kita (Melayu) adalah 56 peratus daripada penduduk Malaysia yang orang Cina cuma 32 peratus. Mereka (Rakyat Malaysia keturunan Cina) kerana pragmatis mereka, tidak akan membuat sesuatu yang akhirnya membawa kebinasaan kepada diri mereka.

Johan Jaafar : Saya ingin menyentuh tentang penswastan, Dato Seri banyak negara di dunia gagal melaksanakan program penswastan tetapi di Malaysia program penswastan kita menjadi contoh dan teladan bagi banyak negara lain. Apakah asas penswastan negara masa depan mengambil kira segala kejayaan dan kelemahannya setakat ini?

Dato Seri : Kita perlu melihat penswastan sebagai satu alat untuk mencapai keadilan dalam keadaan pembangunan yang pesat. Sebab itu dua

syarat kita tentukan bila kita menswastakan jabatan-jabatan Kerajaan, iaitu pekerjaannya tidak boleh disingkir, tidak boleh diberhentikan atau retrenched. Yang keduanya upah mereka tidak boleh kurang baik daripada upah yang mereka terima daripada Kerajaan, bahkan mesti lebih baik. Ini mempunyai asas yang baik yang menyebabkan pekerja sanggup menerima penswastakan, bahkan meminta supaya diswastakan. Apabila sikap itu tepat dan sesuai dengan penswastakan maka kemungkinan penswastakan itu berjaya adalah lebih daripada cara di setengah-setengah negara yang mana langkah pertama yang diambil oleh mereka ialah membuang pekerja yang dianggap terlalu ramai sebagai satu usaha untuk mengurangkan perbelanjaan syarikat umpamanya itu kita tidak buat di sini.

Johan Jaafar : Ada kritikan yang mengatakan bahawa banyak program penswastakan ini tertumpu kepada hanya segelintir individu ataupun syarikat. Apa komen Dato Seri tentang hal ini?

Dato Seri : Kalau kita sanggup membuat senarai siapa yang dapat daripada penswastakan ini kita akan dapati bahawa ramai yang sudah mendapat peluang daripada penswastakan. Saya akui bahawa tidak semua (dapat) kerana tiap kali ada penswastakan banyak yang meminta dan kita harus menimbangkan kemampuan masing-masing. Kalau dalam cadangan mereka itu mereka didapati kurang kemampuan maka kita tidak boleh memberi projek itu kepada mereka kerana ianya tetap akan gagal. Tetapi apabila kita dapati satu cadangan daripada

orang yang sudah mempunyai rekod, semasa dia belum mengambil peluang penswastan ini sudah menunjuk rekod yang baik, kita beri kepada dia. Bilangan mereka ini tidak sedikit. Ramai membuat jalan, bukan PLUS sahaja. Yang lain pun dapat juga peluang.

Johan Jaafar : Adakah tidak mungkin Dato Seri bagi memastikan bahawa sesuatu syarikat atau pun kumpulan individu tidak menguasai secara total satu-satu kegiatan ekonomi yang diswastakan, diwujudkan semacam 'anti-trust law' di negara ini seperti banyak negara lain melakukannya.

Dato Seri : Kita belum sampai kepada tahap itu. Sebenarnya bilangan orang kita terutama Bumiputera yang berkemampuan tidak ramai. Kalau kita sekat mereka terlalu sangat maka kita akan melibatkan orang lain yang mungkin kurang berkemampuan.

Johan Jaafar : Penswastan memang banyak keuntungannya dari segi dia mengalihkan kepada Kerajaan kepada Syarikat, tetapi bagaimana tentang beban yang terpaksa ditanggung oleh misalnya pengguna, Dato Seri. Sebab salah satu perkara-perkara yang timbul ialah bahawa penswastan syarikat-syarikat yang terlibat dalam penswastan ini kadang-kadang tidak mengambilkira kepentingan pengguna keseluruhan atau rakyat terbanyak atau syarikat yang membuat keuntungan luar biasa tapi tidak mengurangkan tarif atau sebagainya. Apa pandangan Dato Seri tentang tanggungjawab sosial yang harus digunakan oleh syarikat-syarikat berkenaan?

Dato Seri : Yang sebenarnya pilihan kita ialah antara mengadakan dengan tidak mengadakan. Kerajaan tidak mampu, jadi kalau kita hendak juga Kerajaan buat supaya dengan itu rakyat tidak tanggung apa-apa beban, mungkin rakyat tidak dapat sama sekali kerana kita tidak mampu. Jadi untuk kita mengadakan juga kita harus terima bahawa ada sedikit tanggungan. Itu pun kita kurangkan seberapa yang boleh. Umpamanya jalan utara selatan. Sebenarnya yang tol yang kita bayar itu begitu rendah sekali. Di Jepun umpamanya satu kilometer satu ringgit Malaysia. Sini cuma berapa sen sahaja. Sebabnya yang kita dapat harga yang murah. Ini ialah apabila Kerajaan memindahkan harta Kerajaan, kita tidak dikenakan bayaran harga pasaran, kita pindahkan dengan harga yang nominal. Harga yang nominal ini bukan untuk membantu syarikat itu sahaja tetapi untuk membantu rakyat supaya rakyat tidak dikenakan bayaran yang terlalu tinggi sebelum syarikat mendapat keuntungan. Itu sebabnya yang kita lihat kadang-kadang seolah-olah Kerajaan memberi banyak peluang kepada syarikat. Peluang itu disalurkan kepada rakyat.

Johan Jaafar : Dato Seri, salah satu daripada kesan kejayaan ekonomi ialah bahawa kita sudah sampai kepada peringkat di mana tidak timbul lagi pengangguran di kalangan rakyat kita tetapi implikasinya kita terpaksa membawa masuk banyak pendatang daripada luar baik secara izin ataupun tanpa izin. Sekarang ini kita mempunyai lebih daripada satu juta pendatang asing ini dan membawa masalahnya sendiri. Apakah Dato Seri fikir pengajaran

Take 7  
Yani:



yang harus kita ambil daripada hal ini, Dato Seri?

Dato Seri : Ini adalah masalah kejayaan, iaitu program kita pada mulanya ialah menumpu kepada peluang kerja. Kita tidak kira pendapatan Kerajaan, bahkan kita sanggup syarikat-syarikat tidak membayar hasil kepada Kerajaan asalkan mereka boleh mewujudkan peluang pekerjaan. Tetapi tiba-tiba tanpa kita dapat membuat persediaan, semua rakyat kita mendapat kerja. Kita tidak boleh memberhentikan industri yang memerlukan kepada tenaga kerja ini dengan sertamerta. Jadi terpaksa kita lanjutkan dan dengan itu kita terpaksa menerima pekerja asing. Tapi dalam pada itu sekarang ini kita sedang memberi perhatian kepada peningkatan kecekapan pekerja kita supaya mereka dapat ubah kepada jenis pekerjaan yang tidak memerlukan banyak tenaga manusia. Dengan itu mereka akan dapat bayaran gaji upah yang lebih tinggi dan kita dapat kurangkan pergantungan kita kepada tenaga kerja daripada negara lain.

Johan Jaafar : Dato Seri, pengalaman Singapura dalam tahun 60an apabila mereka membangunkan Singapura mereka juga membawa masuk pekerja asing tetapi hanya segelintir sebahagian kecil yang tinggal bermaustatin ataupun menjadi rakyat Singapura. Tetapi dalam keadaan kita, mungkin keadaan ini tidak begitu jadinya. Apa pandangan Dato Seri tentang hal ini?

Dato Seri : Kita negara agak lebih besar dengan kawasan

yang luas yang sukar untuk kita menjaga seperti Singapura boleh menjaga sempadannya. Itu kita tidak bolehlah buat seperti di Singapura. Dalam pada itu pula kita memang pun perlu kepada tenaga asing ini dan apabila membenarkan masuk maka berlakulah bermacam-macam kegiatan yang tidak diingini.

Johan Jaafar : Dalam lawatan Dato Seri baru-baru ini ke Republik Kyrgyz, Malaysia telah menawarkan bagi pertama kalinya untuk membuat satu kajian menyeluruh mengenai berbagai aspek di Republik itu. Apakah ini bermaksud bahawa kita sudah boleh mengeksport kepakaran kita atau pengalaman Malaysia ke negara luar?

Dato Seri : Ini adalah satu proses pembelajaran, Sistem Komunis berbeza sangat daripada sistem kita. Semuanya diberi subsidi, cara hidup, pengangkutan, makanan, rumah. Sekarang ini mereka ingin tukar kepada sistem pasaran dan ini adalah satu perkara yang amat sukar bagi mereka. Kita ingin belajar apa dia mekanisma yang sesuai untuk mereka. Yang sebenarnya tidak sama dengan kita. Kalau kita dapat mempelajari perkara ini maka kita akan menjadi lebih cekap dalam pentadbiran negara kita. Di samping itu kita boleh menolong Kyrgyz supaya mengatasi masalah yang amat rumit yang dihadapi oleh mereka kerana terdapat 'mental block' di kalangan rakyat mereka yang selalunya percaya bahawa tugas Kerajaan ialah mewujudkan pekerjaan dan mensubsidisekan semuanya. Sebab itu kadang-kadang barangan yang dikeluarkan tidak pun diguna tetapi untuk mewujudkan peluang pekerja mereka keluarkan juga *barangan*.

~~barangan.~~

Johan Jaafar : Dato Seri, di mana-mana kita mengikuti lawatan Dato Seri, kalangan wartawan selalu mendengar tentang model Malaysia yang dikagumi oleh negara-negara berkenaan. Apakah maksudnya bahawa kita sekarang ini boleh menjadi 'consultant' kepada banyak negara sedang membangun untuk negara membangun, Dato Seri?

Dato Seri : Saya fikir banyak agensi dunia termasuk World Bank yang sedar bahawa pencapaian Malaysia ini luar biasa dan boleh dijadikan contoh kepada negara-negara membangun yang lain dan banyak negara membangun juga berpendapat demikian. Jadi kalau mereka bertanya kepada kita bagaimana kita mencapai kemajuan kita harus beritahu dan jangan sembunyi-sembunyi. Tidak ada keuntungan bagi kita kalau kita sembunyi. Kalau mereka boleh guna, gunalah.

Johan Jaafar : Dato Seri, satu perkara kejayaan ekonomi Malaysia kita menjadi kuasa baru dalam bidang ekonomi, sekurang-kurangnya di rantau ini di kalangan negara membangun. Tetapi pada dasarnya kelantangan suara kita di pentas dunia menjuarai banyak isu-isu antarabangsa, pada akhirnya hakikat yang kita harus terima ialah bahawa kita negara kecil dari segi ketenteraan. Apakah kita juga berminat untuk menjadi kuasa baru dalam bidang ketenteraan untuk masa depan?

Dato Seri : Tidak, kerana kita tidak percaya kepada cara military untuk menyelesaikan masalah. Kita

lebih percaya kepada diplomasi, terutamanya kita suka berbaik-baik dengan semua pihak. Dalam pada itu kita telah memberi notis kepada semua pihak bahawa kita ingin berbaik-baik, tetapi kalau sesiapa juga melakukan perkara yang salah, kita harus diberi kebebasan menegur sepertimana juga mereka menganggap mereka bebas menegur kita. Itulah baru dikatakan demokrasi.

Johan Jaafar : Saya ingin menarik perhatian Dato Seri tentang Multimedia Super Corridor Malaysia ini ataupun Koridor Raya Multimedia Malaysia, Dato Seri, apakah yang Dato Seri harapkan daripada teknologi maklumat untuk Malaysia akan datang?

Dato Seri : Ini yang saya sebutkan pada mula-mula tadi berkenaan dengan pentingnya kita sedar tentang perkembangan dalam dunia luar. Sekarang ini kita tahu bahawa kita telah beralih daripada industrial age, zaman industri, kepada information age. Kita harus tahu apa dia maknanya information age ini dan apa kesannya terhadap ekonomi negara kita, terhadap rakyat kita. Dengan adanya Multimedia Super Corridor ini, kita mengambil langkah secara positif ke arah menyesuaikan negara ini dengan satu perkembangan yang tidak dapat kita asingkan diri daripadanya, iaitu perubahan daripada industrial age kepada information age.

Johan Jaafar : Dato Seri dalam Pameran Multimedia Asia 1996 baru-baru ini, Dato Seri ada memberikan gambaran tentang sebuah Kerajaan elektronik, bukankah itu sedikit menakutkan?

Dato Seri : Sebenarnya di zaman dahulu, Kerajaan adalah Kerajaan berbisik-bisik, semuanya dirahsiakan daripada rakyat daripada semua orang dan tidak ada satu pun yang dicatit, yang ditulis untuk mengelak daripada orang lain mengetahui. Tetapi apabila Kerajaan menjadi besar, hendak berbisik-bisik ini tidak boleh lagi jadi mereka perlu catit dan bila catit bermakna orang lain boleh membaca boleh tahu rahsia. Sekarang ini kita sudah meningkat kepada satu zaman yang mana kegiatan Kerajaan menjadi terlalu besar dan perlu bergerak dengan begitu pesat. Kita tidak boleh lagi menulis, kita tidak boleh lagi taip sesuatu, kita mesti guna komputer. Kita mesti tahu bagaimana melalui komputer itu kita berhubung dengan pihak lain, tetapi pihak tertentu itu sahaja tidak dengan orang lain. Satu sistem mesti dicipta supaya terselamat sebarang catitan kita, rekod kita dan urusan kita itu. Ini baru boleh kita kejar bangsa-bangsa lain yang akan menggunakan sistem ini. Jika tidak kita ketinggalan.

Johan Jaafar : Sudahkah Dato Seri rasa kita bersedia untuk melahirkan satu masyarakat cendakia 'intelligent society' dan 'paperless society' dan kita menuju kepada ekonomi digital sekarang ini?

Dato Seri : Saya fikir kalau kita membuat keputusan bahawa kita harus menghadapi masalah ini, soal perubahan sikap, soal latihan, soal kemahiran, ini hanya bergantung kepada kesanggupan kita mempelajarinya. Ini bukan satu misteri. Saya sering berkata bahawa

tidak ada misteri dalam kebolehan orang barat, umpamanya dalam bidang engineering, dalam bidang lain. Kalau kita hendak belajar, kita pun boleh buat macam dia buat.

Johan Jaafar : Dato Seri, baru-baru ini Dato Seri telah menemui Bill Gates, pemilik Microsoft dan selalunya orang seperti ini tidak memandang sebelah mata pun pada negara membangun. Tetapi apa pandangan Bill Gates tentang program multimedia dan rancangan masa depan kita dalam teknologi maklumat, Dato Seri.

Dato Seri : Kita harus ingat bahawa Bill Gates sungguhpun seorang yang begitu miskin dahulu, daif, bermula kerja di dalam garage keretanya dan sekarang ini dia mengusaha dan mungkin masih beringat bahawa segala-galanya bermula dengan yang kecil. Jadi walaupun dia anggap kita ini kecil, mungkin pada pendapatnya ada kemungkinan kita menjadi besar sebab itu dia memberi tumpuan kepada satu daerah di dunia ini yang tetap pesat membangun.

Johan Jaafar : Satu lagi Dato Seri berhubung dengan soal multimedia ini dan juga information technology ini. Apakah tidak mungkin bahawa kita belum belajar belunjur, kata orang, atau belajar duduk kita sudah berdiri dan cuba berlari.

Dato Seri : Di Malaysia selalu kita buat macam itu. Kita tidak boleh tunggu peralihan seperti biasa. Sementara revolusi industri di barat mengambil masa 200 tahun, kita tidak boleh tunggu 200 tahun. Kita perlu berjalan

dengan lebih cepat lagi dan saya fikir kalau ada kesanggupan kita boleh kejar orang lain sehingga kita sampai sama dengan mereka.

241  
Johan Jaafar : Sebahagian daripada rakyat negara kita masih berdepan dengan masalah kemudahan asas. Dato Seri tidakkah nanti kita bercakap tentang agenda yang berbeza?

Dato Seri : Ya, walaupun kemudahan asas mungkin terdapat kepada semua tetapi kita harus ingat bahawa apabila komputer dicipta, pendapat orang yang menciptanya ialah dalam dunia ini diperlukan cuma lima buah komputer sahaja. Mereka tidak dapat memikirkan tiap seorang boleh memiliki sebuah komputer yang powernya lebih daripada komputer yang sebesar tiga bilik yang dicipta dahulu. Jadi kita harus ingat bahawa satu hari nanti semua komputer ini harganya akan turun. Hari ini pun sudah turun dan mungkin pendapatan kita juga meningkat. Kalau kita berusaha insyaAllah kita boleh memiliki segala alatan.

Johan Jaafar : Dato Seri, dimana-mana pun orang sudah mulai bercakap tentang hilang kepercayaan terhadap parti politik, tetapi UMNO masih bertahan. Sudah 50 tahun dan masih kuat dan berkembang. Apakah rahsia kejayaan UMNO selama ini, Dato Seri?

Dato Seri : Saya fikir UMNO ini mempunyai satu jenis disiplin, iaitu sanggup menerima seorang daripada ahli biasanya diberi tempat sebagai pemimpin dan patuh kepada pemimpin. Dalam sistem budaya orang Melayu kita lebih suka terima kepada keturunan, iaitu kalau seorang

itu raja maka anaknya boleh jadi raja kerana ia daripada keturunan raja samada dia mampu jadi raja, cekap ataupun tidak, tidak disoal. Tetapi dalam UMNO terdapat satu budaya yang mengakui seseorang itu berhak menjadi pemimpin kalau dia mempunyai kebolehan tertentu, umpamanya kalau dia boleh mempopularkan dirinya dan kalau dia mempunyai kecekapan.

Johan Jaafar : Bagaimanakah tentang kualiti ahli UMNO hari ini Dato Seri? Apakah benar bahawa semangat kesukarelaan dan pengorbanan itu sudah tidak ada? Maka sekarang ini penumpuan hanya sekadar untuk mendapatkan sesuatu atau suatu kepentingan maka mereka harus berjuang?

Dato Seri : Tidak dapat dinafikan ada sedikit kemerosotan daripada segi kualitinya kerana bilangan sudah banyak. Seperti biasa bila barang terlalu banyak kualiti tetap menjadi rendah. Dahulu semasa kita berjuang untuk melawan Malayan Union dan melawan untuk menuntut kemerdekaan bilangan ahli UMNO tidak sampai pun seratus ribu. Tetapi mereka ini begitu dedicated sekali dan boleh menggerakkan dunia. Macam kata Sukarno kalau dia dapat sepuluh orang pemuda yang begitu gagah, dia boleh menggoncangkan dunia. Kita perlu juga dalam demokrasi ini kepada jumlah dan jumlah ini penting untuk berjuang dalam pilihanraya umpamanya. Sebenarnya pada tahun 1987 ada pendapat bahawa kita harus ada elitist parti, iaitu parti yang kecil tetapi mempunyai following, pengikut yang ramai yang bukan menjadi card carrying member. Itu satu pendapat, tetapi

kita dapati bahawa komitmen tidak akan ada kalau dia tidak menjadi ahli. Jadi dengan dia menjadi ahli, dia mempunyai komitmen walaupun dia mempunyai kualiti yang kurang tetapi dia mempunyai komitmen.

Johan Jaafar : Apakah agaknya formula dari dalam yang boleh menghancurkan UMNO, Dato Seri?

Dato Seri : Saya percaya kalau kita sudah begitu sekali asyik untuk mendapat tempat sehingga kita sanggup membuat apa sahaja termasuk melibatkan rasuah dan sebagainya, maka akan hancurlah parti dan akan hancurlah negara juga kerana orang yang dipilih itu adalah orang yang dipilih secara rasuah dan dia akan memilih orang yang menerima rasuah dan akhirnya Perdana Menteri pun Perdana Menteri rasuah. Jadi tentulah hancur negara kita tetapi saya yakin bahawa setakat ini kita mampu menangani perkara ini.

Johan Jaafar : Baru-baru ini Majlis Tertinggi membuat keputusan bahawa tidak perlu ada kegiatan rancangan dan sebagainya sempena pemilihan dalam bulan Oktober ini. Apakah kita sudah tidak boleh dalam peringkat pemilihan ini Dato Seri mempercayai ahli-ahli kita sendiri?

Dato Seri : Kita perlu response kepada apa yang berlaku. Kalau kita pegang sangat kepada cara tanpa mengambilkira kesan daripada cara itu, seperti setengah bangsa barat begitu berpegang kepada demokrasi, seolah-olah demokrasi itu adalah satu agama. Mereka menghadapi masalah dan banyak negara lain

menghadapi masalah kerana demokrasi. Kita harus ambilkira bahawa apabila demokrasi disalahgunakan, kita perlu guna cara yang mungkin dianggap kurang demokratik, tetapi untuk menyelamatkan demokrasi itu sendiri. Sebab itu kita mengambil tindakan mengharamkan kempen.

R-gu

Johan Jaafar

: Dato Seri, segala rancangan, segala gagasan dan wawasan Dato Seri yang besar selama ini, takkan ada ertinya sekiranya orang yang menggantikan atau mengambilalih teraju daripada pimpinan Dato Seri ini tidak mempunyai wawasan yang sama dengan Dato Seri dan apakah Dato Seri mempunyai keyakinan penuh kepada bakal pengganti Dato Seri?

Take 10

Dato Seri

: Kita selalu mempunyai perbincangan dan saya fikir pendirian UMNO bukan hasil daripada saya sahaja, hasil daripada mesyuarat kita, mesyuarah kita di dalam parti dan kita terima. Inilah cara parti diuruskan dan saya yakin kalau saya tidak ada dalam parti, parti akan diuruskan, mungkin stail yang berbeza tapi matlamatnya sama.

Johan Jaafar

: Mengapa terlalu banyak teori conspiracy tentang hubungan Dato Seri dengan Dato Seri Anwar sehingga menimbulkan Dato Seri dan Dato Seri Anwar acapkali membuat berbagai kenyataan untuk mengendurkan suasana.

Dato Seri

: Orang kita asyik dengan teori conspiracy ini, selalu mencari udang dibalik batu sedangkan tidak ada udang sama sekali. Perkara itu seperti yang ternyata tidak lebih daripada itu. Tetapi kita orang

Melayu terutamanya suka sangat memikir. Kalau dia memberi kepada saya sesuatu apa tujuan disebaliknya? Kita selalu bertanya. Kita sepatutnya terima at face value, apa yang dapat itulah yang kita terima. Saya terpaksa berkali-kali menjelaskan perkara ini kerana saya dapati ini menimbulkan bermacam-macam keadaan yang tidak menyenangkan dalam parti. Sebab itu saya jelaskan. Sebenarnya saya yakin bahawa Dato Seri Anwar boleh mengambilalih daripada saya dan dianya tidak akan membawa apa-apa kesan yang buruk kepada parti tetapi dianya juga tidak memaksa saya berhenti.

Johan Jaafar : Dato Seri, adakah pada bila-bila masa mencurigai kesetiaan dan kejujuran Dato Seri Anwar?

Dato Seri : Kadang-kadang bila terlangsung sangat diserang oleh macam-macam lapuran, timbul juga perasaan bahawa mungkin benar. Saya berpendapat bahawa walaupun saya percaya tak percaya, satu hari saya mesti berundur daripada jawatan ini. Dan kalau saya tidak mempunyai kepercayaan kepada orang yang menggantikan saya, agak sukar bagi saya berhubung dengannya.

Johan Jaafar : Dato Seri, kata orang tidak mudah menjadi orang nombor dua Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, dan Dato' Seri Anwar sekarang ini sedang menjalani satu ujian untuk membuktikan keupayaannya. Apakah mungkin Dato Seri merasakan bahawa Dato' Seri Anwar mampu untuk meneruskan apa yang telah Dato Seri lakukan selama ini, pada peringkat ini?

Dato Seri : Saya fikir dia mampu tetapi tentulah dia berbeza daripada saya. Saya tidak percaya bahawa dia akan menjadi 100 peratus saya. Tidak ada orang boleh menjadi 100 peratus saya dan saya tidak boleh menjadi 100 peratus Anwar juga.

Johan Jaafar : Di mana-mana pun di negara dunia ketiga Dato Seri, ada kritikan terhadap pimpinannya bahawa mereka membina anak-anak mereka dalam bidang politik dan perniagaan. Apakah Dato Seri sebarang syarat atau sempadan ataupun kawalan di atas penglibatan anak-anak Dato Seri dalam bidang politik atau perniagaan?

Dato Seri : Sebenarnya ada, sehingga kadang-kadang anak-anak saya merasa marah juga kerana dilarang itu tidak boleh, ini tidak boleh macam-macam. Saya tidak memberi tempat langsung dalam politik dan saya tidak tolong kalau ada minat. Ada yang seorang itu ada minat tetapi saya tidak hendak tolong dia. Yang itu hal dia. Kalau hendak tahan pun, tidak adil juga. Tetapi hendak kata saya hendak sorong dia ke hadapan, saya tidak buat. Demikian juga dalam bidang perniagaan kalau mereka hendak berniaga mereka boleh berniaga tetapi seboleh-bolehnya jangan melibatkan Kerajaan, kalau hendak berniaga, berniagalah dengan orang lain.

Johan Jaafar : Dato Seri, soalan yang selalu ditanyakan ialah siapa Dr. Mahathir sebenarnya. Banyak pandangan menyatakan bahawa Dato Seri banyak dipengaruhi oleh pemikiran ahli falsafah politik Machiavelli, Karl Von Clausewitz dan sebagainya. Ada pandangan yang menyatakan

bahawa Dato Seri banyak dipengaruhi oleh Sun Tzu dan sebagainya. Tapi apakah ada satu-satu aliran pemikiran atau satu-satu fahaman yang mempengaruhi politik Dato Seri selama ini.

Dato Seri : Yang mempengaruhi politik saya, saya fikir ialah setelah mengikuti sejarah beberapa negara yang mundur menjadi maju, yang menunjuk bahawa negara yang mundur tidak akan mundur selama-lamanya dan negara yang maju juga tidak akan maju selama-lamanya. Kalau tindakan yang tepat diambil negara yang mundur boleh mencapai kemajuan dan kalau kita perhatikan dalam sejarah negara-negara dunia, kita dapati bahawa ada masanya mereka mundur. Orang British umpamanya berasal daripada orang yang hidup dalam gua, 'cave men'. Tiba-tiba naik sampai dapat mendirikan empayar. Demikian juga orang Greek, orang Rome, bahkan Russia semasa Peter The Great, merupakan sebuah negara yang dianggap mundur sama sekali. Tetapi Peter The Great telah mengubah sehingga Russia menjadi sebuah kuasa dunia di zamannya. Jadi pada pendapat saya kalau kita sanggup untuk membangunkan negara dan kita gunakan pengalaman yang dilalui oleh pemimpin-pemimpin dahulu yang membawa negara mereka daripada mundur kepada maju, saya fikir kita boleh mencapai kemajuan. Tidak payahlah kita tahu pasal Clausewitz sangat, Machiavelli, apa semua. Saya sebenarnya cuma tahu nama, tak baca tentang Clausewitz dan Machiavelli.

- Johan Jaafar : Apakah sebarang kekecewaan Dato Seri sepanjang 15 tahun ini?
- Dato Seri : Kecewa ada jugalah, kadang-kadang bila kita hendak buat benda yang betul, kita dituduh. Kadang-kadang kita desak supaya jangan buat sesuatu itu dibuat juga, umpamanya kita telah terangkan tentang bahayanya keruntuhan akhlak, umpamanya begitu ramai daripada anak-anak Melayu yang terlibat dengan dadah, dengan penyakit moral dan sebagainya. Ini mengecewakan saya kerana kita belum pun sampai ke tahap kemajuan yang mana kita boleh relax, kita boleh lepas tangan. Nampaknya belum pun sampai tahap itu sudah pun ghairah hendak jadi macam orang Barat. Bukan tiru yang baik daripada barat tetapi tiru yang tidak baik daripada barat. Ini mengecewakan saya.
- Johan Jaafar : Apakah satu-satu moment yang paling indah bagi Dato Seri sebagai Perdana Menteri setakat ini?
- Dato Seri : Yang paling indah ialah melihat negara kita maju, memperlihatkan kemampuan kita terutamanya orang Melayu sehingga sampai kepada tahap yang ada sekarang. Sebenarnya mimpi saya sebelum saya menjadi Perdana Menteri ialah untuk melihat gambar muka-muka orang Melayu dalam senarai 'executive' yang naik pangkat dan sebagainya dalam Straits Times umpamanya. Itu cita-cita besar saya tetapi sekarang ini itu perkara biasa sahaja. Ini membanggakan.

Johan Jaafar : Sekali lagi terima kasih Dato Seri kerana sudi meluangkan masa untuk wawancara khas bersama Perdana Menteri. Saudara penonton yang dihormati sekalian demikian tadi wawancara saya dengan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan izinkan saya memetik kenyataan Dato Seri Anwar sewaktu majlis menghargai 15 tahun Dr. Mahathir baru-baru ini. 'Sesuatunya bangsa akan menjadi agung hanya apabila pemimpinnya memiliki wawasan keagungan dan rakyat bersama beliau untuk mencapai keagungan tersebut. Saya percaya rakyat Malaysia yakin bahawa perjuangan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad belum selesai lagi kerana proses mencapai keagungan itu sebenarnya belum berakhir.'

\*\*\*\*\*